

Utamakan perbelanjaan untuk pengajian, bukan bermewah

Kebiasaannya, minggu kedua September bermakna bermulanya semester pengajian baharu di semua Universiti Awam (UA) dan sesetengah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Pada minggu ini, majoriti pelajar yang menyambung pengajian melalui bantuan kewangan pendidikan dari institusi pinjaman seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan mula menerima pinjaman kewangan mereka.

Sudah pasti wang yang diperolehi itu untuk tujuan pendidikan dan pada masa sama dapat membantu mengurangkan beban kewangan ditanggung ibu bapa.

Menerima wang sudah pasti amat menggembirakan. Namun, apa yang paling penting ialah sikap bertanggungjawab serta disiplin yang perlu dimiliki pelajar apa-

bila menerimanya.

Banyak cerita kurang enak didengar yang mana segelintir pelajar yang tidak pandai memanfaatkan pinjaman, membelanjakannya untuk membeli benda tidak berkaitan langsung dengan pengajian seperti pakaian berjenama, menukar telefon bimbit yang canggih dan makan di tempat mewah.

Labur dalam skim cepat kaya

Lebih membimbangkan, ada yang sanggup melaburkan pinjaman dalam skim cepat kaya dengan harapan mendapat pulangan lumayan. Akibatnya, sebelum tamat semester pertama, mereka sudah kehabisan wang.

Apabila wang pinjaman sudah habis, ada yang tidak dapat membayar yuran pengajian sehingga mengganggu proses pendaftaran

menduduki peperiksaan akhir semester dan menyambung pengajian ke semester berikutnya.

Baru-baru ini, PTPTN terpaksa mengambil langkah tegas melalui kerjasama Jabatan Imigresen terhadap peminjam yang liat membayar balik hutang dengan menyenarai hitam mereka dan dihalang ke luar negara. Tindakan itu selaras peruntukkan undang-undang sedia ada melalui Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566).

Seksyen 22A (1) Akta 566 jelas memperuntukkan jika Ketua Eksekutif (pihak PTPTN) berpendapat bahawa mana-mana penerima dijangka atau berkemungkinan meninggalkan Malaysia tanpa membayar apa-apa wang yang kena dibayar kepada Perbadanan, pihak PTPTN boleh me-

ngeluarkan pernyataan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen suatu perakuan yang mengandungi amaun yang kena dibayar kepada Perbadanan bersama permintaan supaya penerima itu dilarang daripada meninggalkan Malaysia melainkan jika dan sehingga dia membayar semua amaun yang kena dibayar kepada Perbadanan atau mengemukakan jaminan yang memuaskan hati Ketua Eksekutif bagi pembayarannya.

Liat bayar pinjaman

Sudah sampai masanya pelajar merancang perbelanjaan mereka ketika berada di universiti atau kolej supaya tidak tergolong dalam kalangan mereka yang liat membayar kembali pinjaman diperolehi serta disenarai hitam selepas tamat pengajian.

Pihak pengurusan universiti dan kolej mesti memberi didikan serta kesedaran berpanjangan terhadap pelajar supaya berjimat cermat. Sesi syarahan atau ceramah berkaitan aspek pengurusan dan perbelanjaan kewangan harus dilakukan supaya pelajar dapat memperoleh ilmu berkaitan proses pengurusan dan perbelanjaan kewangan.

Pensyarah juga harus memainkan peranan dengan memberi nasihat kewangan yang mudah difahami pelajar supaya mereka tidak boros serta membazir wang pinjaman. Pihak berkaitan seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi berkaitan mesti sentiasa memantau segala aktiviti mencurigakan yang menghasut pelajar untuk melabur wang pinjaman dalam skim pelaburan tidak diiktiraf atau haram.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia